

Zaiton dinobatkan pesilat terbaik peringkat IPT

BATUPAHAT – “Saya tidak sangka akan mendapat pingat emas sekali lagi,” kata Zaiton A Koang, 24, yang menjadi juara seterusnya merangkul pingat emas dalam Kejohanan Silat Olahraga Piala Timbalan Perdana Menteri (Kelas A Putri-institut pengajian tinggi (IPT) 2012)

Menurut Zaiton yang lebih mesra dikenali sebagai Eton, pada awalnya memang tidak menyangka akan memenangi pingat emas, kerana peserta pada tahun ini kebanyakannya berkebolehan.

“Selain itu, saya turut mendapat tentangan sengit daripada beberapa peserta terutamanya di peringkat ak-

hir, dan terpaksa bekerja keras untuk menjadi juara kategori tersebut.

“Mujur pengalaman sebelum ini membolehkan saya mengawal gelanggang dan seterusnya memenangi satu demi satu perlawanan serta pusingan yang saya sertai pada tahun ini.

“Setelah memenangi pingat emas pada tahun ini saya juga berazam untuk memenanginya sekali lagi pada tahun hadapan,” katanya.

Zaiton sebelum ini telah memenangi pingat emas dalam kategori dan kejohanan yang sama, namun tahun lalu dia menyertainya untuk peringkat antarabangsa.

Menurut Zaiton lagi, berkenaan

dengan silat, dia mengharapkan agar golongan muda mempelajari seni mempertahankan diri ini, terutamanya mereka yang berbangsa Melayu.

Dia yang merupakan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkata, silat adalah salah satu peninggalan nenek moyang yang seharusnya dijaga, bukan sahaja untuk mempertahankan diri, namun ia menunjukkan identiti masyarakat di Malaysia.

“Jadi apa salahnya jika golongan muda sekarang ini terus memelajarinya,” katanya yang turut memenangi peserta terbaik (Putri) peringkat IPT.



Zaiton (tengah) menerima penghargaan sebagai pesilat terbaik peringkat IPT tahun ini.